



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2006**

---

**PERTUKARAN PELANTIKAN PENSYARAH KUSZA KE SKIM  
PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan pertukaran pelantikan Pensyarah KUSZA di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti di Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) seperti di **Lampiran 1**.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju UDM menggunakan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti. Sementara itu Kerajaan Negeri Terengganu memutuskan KUSZA dibubarkan. Berikutan itu Pensyarah KUSZA yang berkhidmat di KUSZA akan ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti di UDM melalui pemberian opsyen.

3. Pada prinsipnya urusan pertukaran pelantikan ini adalah berasaskan kepada Panduan Pertukaran Pelantikan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan

Bilangan 17 Tahun 2002. Ianya mengandungi kaedah pelaksanaan urusan pertukaran pelantikan tersebut, pemberian opsyen, kaedah penetapan gaji permulaan, kaedah pemberian Hadiah Pergerakan Gaji serta elaun dan kemudahan.

## **PELAKSANAAN PERTUKARAN PELANTIKAN**

4. Perkara-perkara penting dalam melaksanakan pertukaran pelantikan ini yang dijelaskan dalam **Lampiran 1** adalah seperti berikut:


- (a) Pegawai yang layak ditawarkan pertukaran pelantikan melalui opsyen ini terdiri daripada Pensyarah KUSZA yang berkhidmat secara tetap dengan KUSZA termasuk mereka yang dalam tempoh percubaan serta memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia;
- (b) Pensyarah KUSZA akan ditawarkan opsyen sama ada bersetuju ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti di UDM atau tidak bersetuju dengan tawaran tersebut. Tempoh opsyen adalah selama 14 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan. Pilihan yang dibuat oleh pegawai adalah **muktamad**;
- (c) Pensyarah KUSZA berkelayakan ijazah sarjana / Ph.D. yang **bersetuju** menerima opsyen yang ditawarkan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti mengikut gred berikut:
  - (i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45;

- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45;
  - (iii) Pensyarah KUSZA Gred DG48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS52;
  - (iv) Pensyarah KUSZA Gred DG52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS52; dan
  - (v) Pensyarah KUSZA Gred DG54 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS54.
- (d) Pensyarah KUSZA berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian yang **bersetuju** menerima opsyen yang ditawarkan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti mengikut gred seperti perenggan 4 (c) tetapi dikekalkan atas Jadual Gaji Matriks gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D.;
- (e) Pensyarah KUSZA yang **tidak bersetuju** dengan tawaran opsyen pertukaran pelantikan ini akan dibersarakan bagi pegawai berpencen atau ditamatkan perkhidmatan bagi pegawai yang bukan pegawai berpencen (termasuk yang belum disahkan dalam perkhidmatan) dan mereka tidak boleh dilantik semula oleh mana-mana agensi Kerajaan;
- (f) Tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan ini pada **1 Januari 2007**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

Tarikh: 14 Disember 2006

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi  
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

**PERTUKARAN PELANTIKAN PENSYARAH KUSZA  
KE SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI**

**PENDAHULUAN**

1. Urusan pertukaran pelantikan Pensyarah KUSZA di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti di Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) yang dijelaskan dalam lampiran ini meliputi kaedah pelaksanaannya, pemberian opsyen, kaedah penetapan gaji permulaan, kaedah pemberian Hadiah Pergerakan Gaji serta elaun dan kemudahan.
2. Pensyarah KUSZA Gred DG41, DG44, DG48, DG52, DG54 di KUSZA akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45, DS51/52, DS53/54 di UDM melalui pemberian opsyen.

**KAEDAH PELAKSANAAN**

3. Semua tenaga pengajar KUSZA lantikan tetap (termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan) yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pensyarah KUSZA dan memilih Sistem Saraan Malaysia adalah layak diberi opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti di UDM. Pihak Berkuasa Melantik UDM akan menawarkan pelantikan Pensyarah KUSZA yang telah bersetuju menerima opsyen tersebut.
4. Urusan pertukaran pelantikan Pensyarah KUSZA ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti akan dilaksanakan seperti berikut:-

**(a) Pensyarah KUSZA Berkelayakan Ijazah Sarjana/ Ph.D**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45;

- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45;
- (iii) Pensyarah KUSZA Gred DG48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS52;
- (iv) Pensyarah KUSZA Gred DG52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS52; dan
- (v) Pensyarah KUSZA Gred DG54 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS54.

(b) **Pensyarah KUSZA Berkelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45 tetapi dikekalkan atas Jadual Gaji Matriks DG41 secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D.;
- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45 tetapi dikekalkan atas Jadual Gaji Matriks DG44 secara KUP sehingga memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D.;
- (iii) Pensyarah KUSZA Gred DG48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS52 tetapi dikekalkan atas Jadual Gaji Matriks DG48 secara KUP sehingga memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D.;

- (iv) Pensyarah KUSZA Gred DG52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS52 tetapi dikekalkan atas Jadual Gaji Matriks DG52 secara KUP sehingga memenuhi memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D.; dan
- (v) Pensyarah KUSZA Gred DG54 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS54 tetapi dikekalkan atas Jadual Gaji Matriks DG54 secara KUP sehingga memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D..

### **PEMBERIAN OPSYEN**

5. Pihak Berkuasa Melantik KUSZA hendaklah menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada Pensyarah KUSZA mengikut Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan di **Lampiran A** dan **Lampiran A(i)** bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Tempoh opsyen adalah **14 hari** mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45, DS51/52, DS53/54 mengikut mana yang berkenaan. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

6. Pegawai yang tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap sebagai telah tidak memilih untuk memasuki skim perkhidmatan Pensyarah Universiti di UDM. Pegawai berkenaan akan dibersarakan atau ditamatkan perkhidmatan.

7. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Pensyarah KUSZA yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;

- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

8. Pensyarah KUSZA yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

9. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen dan notis persetujuan penamatan perkhidmatan adalah seperti berikut:

**Lampiran A** – Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan (untuk pegawai yang memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D.)

**Lampiran A1** – Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan (untuk pegawai yang belum memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D.)

**Lampiran A2** – Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan

**Lampiran A3** – Borang Opsyen

**Lampiran A4** – Notis Persetujuan Penamatan Perkhidmatan

10. Pensyarah KUSZA yang dilantik secara sementara, kontrak atau sambilan tidak layak ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ini dan pelantikan mereka hendaklah ditamatkan mulai 1 Januari 2007. Pegawai ini boleh dilantik ke skim perkhidmatan

Pensyarah Universiti mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan tersebut dan tertakluk kepada keperluan perkhidmatan oleh UDM.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

11. Penetapan gaji permulaan bagi Pensyarah KUSZA yang ditukar lantik ke Pensyarah Universiti bagi setiap gred adalah seperti berikut:

(a) **Pensyarah KUSZA Gred DG41**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 **berkelayakan ijazah sarjana/ Ph.D** yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DS45;
- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG41 **berkelayakan ijazah sarjana/ Ph.D** yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DS45 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (iii) Pensyarah KUSZA Gred DG41 **berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian** yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah **dikekalkan atas matagaji yang sama di Gred DG41 secara KUP**. Gaji pegawai berkenaan hanya akan dipindahkan ke matagaji Gred DS45 **sehari selepas** memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DS45; dan

(iv) Pensyarah KUSZA Gred DG41 **berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian** yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah **dikekalkan atas matagaji yang sama di Gred DG41 secara KUP**. Gaji pegawai berkenaan hanya akan dipindahkan ke matagaji Gred DS45 **sehari selepas** memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DS45 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(b) **Pensyarah KUSZA Gred DG44**

(i) Pensyarah KUSZA Gred DG44 berkelayakan **ijazah sarjana/ Ph.D** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DS45 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

(ii) Pensyarah KUSZA Gred DG44 **berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian** hendaklah **dikekalkan atas matagaji yang sama di Gred DG44 secara KUP**. Gaji pegawai berkenaan hanya akan dipindahkan ke matagaji Gred DS45 **sehari selepas** memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D. dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DS45 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan

baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(c) **Pensyarah KUSZA Gred DG48**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG48 berkelayakan **ijazah sarjana/ Ph.D** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DS52 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG48 berkelayakan **ijazah sarjana muda kepujian** hendaklah **dikekalkan atas matagaji yang sama di Gred DG48 secara KUP**. Gaji pegawai berkenaan akan dipindahkan ke matagaji Gred DS52 **sehari selepas** memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DS52 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(d) **Pensyarah KUSZA Gred DG52**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG52 berkelayakan **ijazah sarjana/ Ph.D** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di gred

DS52 mengikut Peringkat (P) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG52 berkecayaan **ijazah sarjana muda kepujian** hendaklah **dikekalkan atas matagaji yang sama di Gred DG52 secara KUP**. Gaji pegawai berkenaan akan dipindahkan ke matagaji Gred DS52 **sehari selepas** memenuhi syarat memiliki keceayaan ijazah sarjana/ Ph.D dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di gred DS52 mengikut Peringkat (P) yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(e) **Pensyarah KUSZA Gred DG54**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG54 berkeceayaan **ijazah sarjana/ Ph.D** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred DS54 mengikut Peringkat (P) gaji di gred asal yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG54 **berkeceayaan ijazah sarjana muda kepujian** hendaklah **dikekalkan atas matagaji yang sama**

**di Gred DG54 secara KUP.** Gaji pegawai berkenaan akan dipindahkan ke matagaji Gred DS54 **sehari selepas** memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D. dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat (P) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

12. Sekiranya matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas sepertimana kaedah penetapan gaji di perenggan 11, maka Jadual Gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

13. Contoh-contoh kaedah penetapan gaji adalah seperti di **Lampiran B, B1, B2, B3, B4, B5, B6 dan B7.** Manakala Jadual Gaji Matriks skim perkhidmatan Pensyarah Universiti adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3, C4, C5, C6 dan C7.**

#### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

14. Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal akan diberi di gred jawatan baru **kecuali** Pensyarah KUSZA yang belum memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D. seperti dinyatakan dalam perenggan 4 (b).

#### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

15. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi Pensyarah KUSZA yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru itu ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

16. TPG bagi Pensyarah KUSZA yang belum memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana / Ph.D. adalah tidak berubah. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pegawai tersebut memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah / Ph.D. dan TPG baru itu ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

17. Penetapan kelayakan serta kadar elaun dan kemudahan bagi Pensyarah KUSZA yang dtukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti seperti di **Lampiran D**.

## **HADIAH PERGERAKAN GAJI**

### **Pensyarah KUSZA Yang Ditukar Lantik Ke Pensyarah Universiti**

18. Pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) seperti yang dinikmati oleh Pensyarah KUSZA melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1994 (PP 4/1994) adalah dikekalkan dengan pengubahsuaian dibuat apabila Pensyarah KUSZA ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti. Kaedah pemberian HPG adalah ditetapkan seperti berikut:

- (a) Pensyarah KUSZA Gred DG41 berkelayakan **ijazah sarjana muda kepujian** yang dilantik tetap sama ada yang telah disahkan atau sebaliknya adalah layak diberi dua (2) HPG mulai tarikh rasmi keputusan kelayakan ijazah sarjana diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam PP 4/1994. Kelayakan sarjana hendaklah diperolehi **sebelum, semasa atau selepas tempoh opsyen** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti. HPG hendaklah dibayar atas Gred DG41 sebelum pegawai tersebut ditukar lantik ke Gred DS45;

- (b) Pensyarah KUSZA Gred DG41 berke Layakan **ijazah sarjana** yang dilantik secara tetap sama ada yang telah disahkan atau sebaliknya adalah layak diberi baki satu (1) HPG mulai tarikh rasmi keputusan kelayakan Ph.D diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam PP 4/1994. Kelayakan Ph.D tersebut hendaklah diperolehi **sebelum, semasa atau selepas tempoh opsyen** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti. HPG hendaklah dibayar atas Gred DG41 sebelum pegawai tersebut ditukar lantik ke Gred DS45; dan

#### **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

19. Bagi melaksanakan pertukaran pelantikan ini, Pihak Berkuasa Melantik UDM, Pihak Berkuasa Melantik KUSZA dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

- (a) **Pihak Berkuasa Melantik UDM**
- (i) mengeluarkan surat tawaran pelantikan kepada Pensyarah KUSZA yang telah menerima opsyen untuk ditukar lantik menjadi Pensyarah Universiti;
  - (ii) melantik Pensyarah KUSZA yang telah menerima opsyen untuk ditukar lantik menjadi Pensyarah Universiti; dan
  - (ii) menyediakan kriteria pemilihan dan menguruskan pemilihan Pensyarah KUSZA Gred DG54 yang ditukar lantik ke Gred DS54 yang layak menggunakan gelaran Profesor Madya.

(b) **Pihak Berkuasa Melantik KUSZA**

- (i) mengedarkan surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti kepada Pensyarah KUSZA Gred DG41, DG44, DG48, DG52, DG54. Contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen dan notis persetujuan penamatan perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran A, A1, A2, A3 dan A4**; dan
- (ii) memberi penjelasan secara terperinci mengenai opsyen kepada pegawai terlibat dan implikasi keputusan/ pemilihan yang dibuat.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Pihak Berkuasa Melantik KUSZA untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh Pihak Berkuasa Melantik UDM dan satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan sama ada menerima atau menolak opsyen tawaran ini dalam tempoh 14 hari mulai tarikh surat tawaran.

## **PERKARA AM**

20. Urusan pertukaran pelantikan Pensyarah KUSZA ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti hendaklah menggunakan kaedah dan syarat-syarat yang terkandung dalam **Lampiran 1**.

21. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan urusan pertukaran pelantikan ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

**LAMPIRAN A**

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN**  
(untuk pegawai yang memenuhi syarat memilik kelayakan ijazah sarjana/Ph.D)

Pihak Berkuasa Melantik KUSZA

.....  
.....  
.....

---

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat : .....

.....

.....

(Alamat Tempat Bertugas)

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN  
PENSYARAH KUSZA DI KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN (KUSZA)  
KE SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI DI UNIVERSITI  
DARUL IMAN MALAYSIA (UDM) MELALUI OPSYEN**

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju UDM menggunakan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti. Sementara itu Kerajaan Negeri Terengganu memutuskan KUSZA dibubarkan dan jawatan yang sedang tuan/ puan sandang sekarang dimansuhkan. Dengan itu, tuan/ puan ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Pensyarah Universiti Gred DS ..... (DS45, DS51/52, DS53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A)** di UDM di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan dengan **gaji RM..... (P.....T.....) atas Gred DS.....** mulai **1 Januari 2007**.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan di **Lampiran A1**. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan **sama ada bersetuju menerima atau tidak bersetuju tawaran pertukaran pelantikan ini** dengan mengisi borang yang berkaitan. Jawapan tuan/ puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada .....

2.1 **Bersetuju Menerima Tawaran:**

Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen Lampiran A2.**

2.2 **Tidak Bersetuju Menerima Tawaran :**

(i) Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (c)(i) dalam Borang Opsyen Lampiran A2.** Jika tuan/ puan bertaraf berpencen, tuan/ puan akan dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(b) Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

(ii) Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (c)(ii) dalam Borang Opsyen Lampiran A2.** Jika tuan/ puan berada dalam skim KWSP, tuan/ puan akan dibersarakan di bawah seksyen 6A(6) Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan seterusnya dikehendaki mengemukakan notis persetujuan penamatan perkhidmatan dengan KUSZA dengan melengkapkan **Lampiran A3.**

- (iii) Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (c)(iii) dalam Borang Opsyen Lampiran A2**. Jika tuan/ puan bukan pegawai bertaraf berpencen (termasuk yang belum disahkan dalam perkhidmatan) dan seterusnya dikehendaki mengemukakan notis persetujuan penamatan perkhidmatan dengan KUSZA dengan melengkapkan **Lampiran A3**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....

Pihak Berkuasa Melantik KUSZA

**LAMPIRAN A(i)**

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN**  
( untuk pegawai yang belum memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D)

Pihak Pengurusan KUSZA

.....  
.....  
.....

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat : .....  
.....  
.....

(Alamat Tempat Bertugas)

Tuan/ Puan

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN  
PENSYARAH KUSZA DI KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN (KUSZA)  
KE SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI DI UNIVERSITI  
DARUL IMAN MALAYSIA (UDM) MELALUI OPSYEN**

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju UDM menggunakan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti. Sementara itu Kerajaan Negeri Terengganu memutuskan KUSZA dibubarkan dan jawatan yang sedang tuan/ puan sandang sekarang dimansuhkan. Dengan itu, tuan/ puan ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Pensyarah Universiti Gred DS.....(Gred DS45, DS51/52, DS53/54)** di UDM di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan dengan gaji **dikekalkan atas matagaji yang sama di Gred DG.....(Gred DG41, DG44, DG48, DG52, DG54) sebanyak RM..... (P.....T.....)** secara Khas Untuk Penyanggah (KUP) mulai **1 Januari 2007**. Gaji tuan/ puan hanya akan dipindahkan ke

matagaji Pensyarah Universiti Gred DS..... sehari selepas memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan di **Lampiran A1**. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan **sama ada bersetuju menerima atau tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini** dengan mengisi borang yang berkaitan. Jawapan tuan/ puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada .....

**2.1 Bersetuju Menerima Tawaran :**

Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan sama ada **di perenggan (a)** atau **perenggan (b) dalam Borang Opsyen Lampiran A2**.

**2.2 Tidak Bersetuju Menerima Tawaran :**

(i) Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (c)(i) dalam Borang Opsyen Lampiran A2**. Jika tuan/ puan bertaraf berpencen, tuan/ puan akan dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(b) Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

(ii) Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (c)(ii) dalam Borang Opsyen Lampiran A2**. Jika tuan/ puan berada dalam skim KWSP, tuan/ puan akan dibersarakan di bawah seksyen 6A(6) Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan seterusnya dikehendaki mengemukakan notis persetujuan penamatan perkhidmatan dengan KUSZA dengan melengkapkan **Lampiran A3**.

- (iii) Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (c)(iii) dalam Borang Opsyen Lampiran A2**. Jika tuan/ puan bukan pegawai bertaraf berpencen (termasuk yang belum disahkan dalam perkhidmatan) dan seterusnya dikehendaki mengemukakan notis persetujuan penamatan perkhidmatan dengan KUSZA dengan melengkapkan **Lampiran A3**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....

Pihak Berkuasa Melantik KUSZA

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN**

1. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju UDM **OPSYEN** menggunakan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti. Sementara itu Kerajaan Negeri Terengganu memutuskan KUSZA dibubarkan dan jawatan yang sedang tuan/ puan sandang sekarang dimansuhkan. Sehubungan itu tuan/ puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti di UDM atau sebaliknya. Jika tuan/ puan tidak bersetuju untuk ditukar lantik, tuan/ puan akan dibersarakan/ ditamatkan perkhidmatan. Opsyen ini adalah **muktamad**.
  
2. Tempoh opsyen yang diberikan kepada tuan/ puan untuk membuat pilihan ialah selama empat belas (14) hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/ puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/ puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan dan akan dibersarakan/ ditamatkan perkhidmatan. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
  
3. Tuan/ puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti pada gred yang ditetapkan sepertimana berikut mana yang berkenaan.: **SKIM PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN**

**(a) Pensyarah KUSZA Berkelayakan Ijazah Sarjana/  
Ph.D**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45;
- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45;
- (iii) Pensyarah KUSZA Gred DG48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS52;
- (iv) Pensyarah KUSZA Gred DG52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS52; dan
- (v) Pensyarah KUSZA Gred DG54 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS54.

**(b) Pensyarah KUSZA Berkelayakan Ijazah Sarjana  
Muda Kepujian**

- (i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45 tetapi dikekalkan atas Jadual Gaji Matriks (JGM) Gred DG41 Secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat memiliki

kelayakan ijazah/ Ph.D;

- (ii) Pensyarah KUSZA Gred DG44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45 tetapi dikekalkan atas JGM Gred DG44 secara KUP sehingga memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D;
- (iii) Pensyarah KUSZA Gred DG48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti DS52 tetapi dikekalkan atas JGM Gred DG48 secara KUP sehingga memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D;
- (iv) Pensyarah KUSZA Gred DG52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS52 tetapi dikekalkan atas JGM Gred DG52 secara KUP sehingga memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/Ph.D; dan
- (v) Pensyarah KUSZA Gred DG54 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS54 tetapi dikekalkan atas JGM Gred DG54 secara KUP sehingga memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D.

4. Tuan/ puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.

**PENAKLUKAN DI  
BAWAH SYARAT  
DAN PERATURAN  
PERKHIDMATAN  
BARU**

5. Tuan/puan akan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan prinsip berikut:

**GAJI PERMULAAN**

**(a) Pensyarah KUSZA Gred DG41**

(i) Pensyarah KUSZA Gred DG41 **berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian yang belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah dikekalkan atas **matagaji yang sama di JGM Gred DG41 secara KUP.** Gaji pegawai berkenaan hanya akan dipindahkan ke matagaji Gred DS45 **sehari selepas** memenuhi syarat memiliki kelayakan ijazah sarjana/ Ph.D dengan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred DS45;

(ii) Pensyarah KUSZA Gred DG41 **berkelayakan ijazah sarjana muda kepujian yang telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah dikekalkan atas **matagaji yang sama di JGM Gred DG41 secara KUP.** Gaji pegawai berkenaan hanya akan dipindahkan ke matagaji Gred DS45 **sehari selepas**

